

07 SEP 1996

Anwar-Umno

ARAHAN TAK JEJASKAN PENTADBIRAN KERAJAAN, KATA ANWAR

PETALING JAYA, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata arahan supaya menteri dan anggota kerajaan lain dari Umno mengelak daripada menghadiri majlis yang boleh disalah anggap sebagai berkempen, tidak menjejaskan pentadbiran kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata mereka yang berkenaan boleh menjalankan kerja seperti biasa dan hanya mengelak daripada menghadiri "majlis yang diragui".

"Jika mereka kurang pasti, mereka kurang bijak kerana mereka tidak begitu pasti, maka mereka boleh tanya kami. Yang selamat ialah jangan lakukannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan baru akhbar Nanyang Siang Pau di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi meminta pihak terbabit merujuk kepada satu jawatankuasa khas yang dipengerusikannya jika mereka masih ragu.

Jawatankuasa khas itu, yang turut dianggotai oleh Anwar dan Setiausaha Agung Datuk Mohamed Rahmat serta beberapa anggota veteran Umno, ditubuhkan untuk menimbang aduan terhadap calon-calon naib presiden Umno, ketua Pemuda dan Wanita Umno, yang bertanding pada pemilihan parti bulan depan.

Ketika ditanya sama ada penubuhan jawatankuasa khas itu bermakna jawatankuasa disiplin parti yang dipengerusikannya tidak berkesan, Anwar yang juga Timbalan Presiden Umno berkata: "Tidak. Jawatankuasa khas itu adalah cadangan jawatankuasa disiplin, bukan cadangan lain, oleh demikian tak timbul, sebab jawatankuasa disiplin walaupun saya pengerusikan, ahli-ahlinya ialah ahli-ahli yang bertanding."

Ia untuk mengelak tuduhan bahawa jawatankuasa disiplin tidak berlaku adil dalam keputusan berhubung tuduhan terhadap mana-mana anggotanya atau anggota lain yang bertanding jawatan yang sama dengan mereka.

"Oleh itu saya kemukakan kepada Dr Mahathir kalau boleh biar Presiden mempengerusi jawatankuasa khas, dan saya dan setiausaha agung dan beberapa orang lain untuk tujuan yang khusus itu saja. Jawatankuasa disiplin akan menjalankan tugas seperti biasa," katanya.

Anwar berkata, veteran Umno yang akan menganggotai jawatankuasa khas itu belum dikenal pasti.

Beliau juga berkata semua aduan yang bertandatangan atau mempunyai fakta mengenai salah laku oleh anggota parti dirujuk kepada jawatankuasa disiplin parti "tanpa kecuali dan tidak ada satupun komplek yang dibakulsampahkan".

Anwar berkata penggantungan keanggotaan terhadap lima orang anggota parti termasuk seorang anggota Dewan Undangan Negeri oleh Majlis Teringgi Umno menunjukkan parti itu serius dalam perkara itu.

-- BERNAMA

AFY MAI